

# Bukti Kerajaan Persekutuan cakna terhadap Sarawak

**Putrajaya:** Kerajaan Sarawak menzahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta barisan kepimpinan Kerajaan Persekutuan yang disifatkan sentiasa mengambil berat dan cakna terhadap industri minyak dan gas di negeri itu.

Ia dibuktikan melalui deklarasi bersama yang dimeterai semalam, sekali gus mengiktiraf Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) yang ditubuhkan pada 2017 untuk bersama-sama mengelola pengurusan sumber minyak dan gas di Sarawak.

“Kita berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana menunjukkan *concern* (priha-

tin) terhadap Sarawak.

“Alhamdulillah, kita telah dapat selesaikan masalah yang timbul dan hari ini (semalam, termeterai) deklarasi bersama yang bawa persamaan dan pendekatan bersama antara Kerajaan Sarawak, khasnya PETRONAS dan PETROS.

“Ia untuk kita usahakan bersama kegiatan minyak dan gas untuk kepentingan negara dan juga mengikut lunas peruntukan yang ada di antara undang-undang Sarawak dan Persekutuan,” katanya pada Majlis Menandatangani Pernyataan Bersama dan Sidang Media Bersama Premier Sarawak di Pejabat Perdana Menteri (PMO), di

sini, semalam.

Yang turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Pihak kerajaan Sarawak diwakili Menteri Telekomunikasi dan Utiliti Sarawak, Datuk Seri Julaihi Narawi dan Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS), Datuk Ibrahim Baki.

Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Sarawak semalam menandatangani deklarasi yang menandakan persefahaman an-

tara PETRONAS dan PETROS untuk mengusahakan kegiatan minyak dan gas secara bersama mengikut lunas peruntukan undang-undang Persekutuan dan negeri Sarawak.

Untuk rekod, pertikaian antara PETROS dan PETRONAS bermula susulan tuntutan kerajaan Sarawak untuk menguasai sepenuhnya pengurusan sumber gas asli di negeri itu, seiring pelaksanaan Ordinan Pengagihan Gas 2016 (DGO) berkuat kuasa 1 Mac yang memberikan kuasa kawal selia kepada negeri.

PETROS mendakwa PETRONAS tidak memiliki lesen yang sah di bawah ordinan itu untuk

mengedarkan gas di negeri itu, sekali gus mencabar kesahihan Perjanjian Jualan Gas Sarawak bertarikh 30 Disember 2019.

Pada 15 Oktober 2024, PETROS memfailkan saman di Mahkamah Tinggi Kuching bagi mendapatkan pengisytiharan bahawa tuntutan jaminan bank sebanyak RM7.95 juta oleh PETRONAS adalah tidak bere-tika, tidak sah dan batal serta tidak mempunyai kesan undang-undang.

Pada 9 Mei lalu, dalam satu pertemuan rasmi, Anwar menyatakan beliau dan Abang Johari bersetuju untuk memuktamadkan prinsip asas kerjasama dalam masa terdekat.